

# Punca krisis ekonomi rantau Asia

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Krisis ekonomi di rantau Asia disebabkan negara maju tidak berpegang kepada asas struktur kewangan selain penciptaan pelbagai instrumen ekonomi.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, walaupun terdapat gambaran bahawa ekonomi dunia Asia akan pulih, namun masih terdapat masalah perlu diteliti bagi memastikan kejatuhan ekonomi tidak berulang.

Menurutnya, masalah ekonomi sudah dialami sejak 1993 dan tahun lalu dunia sekali lagi dilanda krisis ekonomi berikutan negara maju tidak mengamalkan prinsip-asas kewangan dalam pentadbiran mereka.

"Selain itu, pelbagai inovasi kewangan yang wujud juga menjadi faktor pergolakan ekonomi semasa seperti penciptaan wang yang tidak diketahui sumber," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengurusan Akademi Asian 2009

kelapan di sini, semalam.

Persidangan bertemakan Kelembapan Ekonomi Global anjuran Yayasan Pahang, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Sains Malaysia itu membabitkan 200 peserta termasuk peserta dari New Zealand, Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Indonesia dan Thailand.

Pada majlis itu, Adnan turut menyampaikan Anugerah Tokoh Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia kepada Naib Canselor USM, Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Anugerah Tokoh Perniagaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, persidangan tiga hari itu membahaskan kertas kerja berkaitan isu sumber manusia, pemasaran, pengurusan teknologi termasuk krisis ekonomi akibat keruntuhannya sistem kewangan Amerika Syarikat.

Katanya, ia juga mampu menjadi saluran untuk melahirkan resolusi kepada Malaysia bagi menghadapi krisis ekonomi.



● Adnan (dua, kanan) bersama penerima anugerah Tokoh Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia, Dzulkifli (dua, kiri) dan penerima Anugerah Tokoh Perniagaan, Ahmad Farid (kanan).